

MAJLIS PERASMIAN KONGRES OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI KE DUA
HOLIDAY VILLA, SUBANG JAYA, 7 JUN 1991

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Obstetrik dan Ginekologi Malaysia kerana menjemput saya untuk merasmikan Kongres Kebangsaan Obstetrik dan Ginekologi yang Kedua ini.

2. Tema kongres tahun ini, "The Practice of Obstetrics and Gynaecology in the 1990's", adalah sesuai memandangkan sains perubatan, termasuk bidang obstetrik dan ginekologi, adalah dinamik dan sentiasa berubah mengikut perkembangan dan hasil penyelidikan yang terbaru. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pakar-pakar perubatan untuk sentiasa mengikuti kemajuan dan perkembangan yang berlaku di dalam bidang khusus masing-masing. Ini bagi menjamin rakyat sentiasa memperolehi perkhidmatan perubatan yang terbaik. Dengan peningkatan taraf hidup rakyat, keperluan dan harapan mereka mengenai jagaan kesihatan juga telah bertambah. Kewajipan kita ialah untuk memenuhi keperluan dan harapan ini sedayaupaya yang boleh.

3. Perkhidmatan obstetrik dan ginekologi adalah antara perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang penting. Ini ialah kerana perkhidmatan ini bertanggungjawab untuk menjaga golongan penduduk yang dikatakan vulnerable, iaitu wanita, khususnya ketika mereka mengandung, bersalin serta di peringkat posnatal, dan bayi-bayi sebelum dilahirkan dan dalam peringkat awal hayat. Justeru itu, negara memerlukan perkhidmatan obstetrik dan ginekologi yang komprehensif dan berkualiti bagi memelihara kesihatan wanita, serta melahirkan bayi yang sihat, cergas dan mempunyai kemampuan mencapai potensi maksima dalam proses pembesaran.

4. Kadar kematian ibu bersalin dan kadar kematian bayi adalah antara petunjuk kesihatan yang digunakan untuk mencerminkan tahap pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara serta taraf jagaan dan kemudahan kesihatan. Dalam hal ini, kita bernasib baik kerana di Malaysia kadar kematian ibu bersalin dan kadar kematian bayi telah turun dengan memuaskan. Pada tahun 1957, 3 orang ibu telah meninggal daripada setiap 1,000 orang ibu yang melahirkan bayi hidup, manakala pada tahun 1989, kurang dari 3 orang ibu meninggal daripada 10,000 orang ibu yang melahirkan bayi hidup. Bagi kadar kematian bayi pula, 75 bayi telah meninggal daripada setiap 1,000 bayi yang dilahirkan pada tahun 1957, dibandingkan dengan hanya 13 bayi yang meninggal daripada setiap 1,000 bayi yang dilahirkan pada tahun 1989.

5. Ini adalah satu pencapaian yang menggalakkan dan jelas menunjukkan bahawa taraf kesihatan rakyat negara ini telah meningkat maju. Ia juga menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat kepada perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

6. Bagi memenuhi keperluan jagaan kesihatan wanita yang kian meningkat, bidang obstetrik dan ginekologi perlu diperkembangkan di samping

mengeluarkan lebih ramai pakar dalam bidang tersebut. Kerajaan seberapa yang boleh akan menyediakan Unit Obstetrik dan Ginekologi (O & G) yang lengkap di semua hospital mengikut kemampuan kewangan Kerajaan. Beberapa langkah telahpun diambil seperti menempatkan pakar O & G di hospital-hospital daerah dan pembekalan alat-alat serta kemudahan teknologi yang termoden di hospital-hospital. Walau bagaimanapun, kita perlu menyedari bahawa pembinaan hospital-hospital besar, yang dilengkapi dengan alat-alat dan teknologi moden dan mahal, bukanlah jawapan untuk memperbaiki taraf kesihatan wanita dan mengurangkan kematian.

7. Apa yang diperlukan ialah sistem jagaan kesihatan asas yang kukuh dan berkualiti bagi ibu dan bayi, pendidikan kesihatan bagi wanita, dan perkhidmatan yang teratur dan bersesuaian di hospital bagi merawat wanita dan bayi yang memerlukan jagaan khas. Lebih-lebih lagi, sistem rawatan dan jagaan kesihatan mesti disediakan secara yang boleh diterima oleh masyarakat tempatan.

8. Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk terus memperbaiki taraf kesihatan wanita dan bayi di negara ini. Projek-projek khas seperti "Safe Motherhood" dan Sistem "Risk Approach" telahpun dilaksanakan di mana ibu-ibu bersalin yang mempunyai risiko tinggi dikenalpasti dengan awal dan diberi jagaan khas untuk mengelakkan komplikasi dan kematian ibu atau bayi.

9. Sungguhpun pelbagai program kesihatan telah dilaksanakan dengan jayanya, sebagai ahli professional tuantuan dan puan-puan tidak seharusnya berpuas hati. Masih banyak yang perlu diperbaiki dan diberi perhatian oleh pakar O & G. Ini termasuklah peranan pakar O & G dalam mengurangkan kadar kematian perinatal yang masih tinggi; bagaimana hendak menggalakkan ibu-ibu luar bandar, khususnya yang berisiko tinggi, menerima rawatan moden sedangkan mereka lebih selesa dengan rawatan tradisional; dan bagaimana hendak memajukan sistem penapisan atau screening yang berkesan untuk mengenalpasti awal penyakit-penyakit wanita yang merbahaya.

10. Sebagai negara yang sedang membangun pesat, kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa Kerajaan menghadapi kekurangan pakar. Kerajaan telahpun memberi beberapa kemudahan istimewa kepada pakar-pakar kerajaan, tetapi oleh kerana sektor swasta lebih menarik, masalah "retention of specialists" dalam perkhidmatan kerajaan masih dihadapi. Salah satu sebab kenapa pendapatan doktor swasta adalah lebih tinggi ialah kerana doktor-doktor asing tidak dibenarkan practice sebagai doktor swasta di negara ini. Kekurangan doktor swasta akibat dasar ini menjadikan khidmat perubatan swasta begitu lucrative. Dasar ini perlu dikaji semula kerana bayaran tinggi yang dikenakan oleh klinik swasta telah menyebabkan ramai pesakit yang tidak mampu membayar telah membanjiri hospital kerajaan, sedangkan hospital kerajaan tidak mempunyai doktor yang cukup kerana tarikan swasta. Imbangan antara pendapatan doktor dalam kerajaan dan swasta adalah perlu bagi menentukan rakyat mendapat khidmat yang setimpal.

11. Dalam usaha kita menjadikan Malaysia sebuah negara maju banyak cabaran seperti corak dan aliran penyakit, gaya cara hidup, harapan dan keperluan

masyarakat dan kos perkhidmatan akan dihadapi. Setiap cabaran ini memerlukan strategi tindakan tertentu yang perlu dirangka oleh pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Hasrat Kerajaan ialah hendak membangunkan masyarakat yang sihat dan hidup yang berkualiti. Ini termasuklah wanita dan bayi yang merupakan golongan yang amat dihargai sebagai sumber negara.

12. Untuk membolehkan negara mencapai wawasan 2020, kesihatan unit keluarga perlu diperkukuhkan daripada semua aspek -fizikal, mental dan sosial. Unit keluarga adalah asas kepada kesihatan dan pembangunan. Kita tidak mampu melahirkan generasi masa hadapan yang terperangkap dalam penyakit sosial dan akibat gaya cara hidup sesetengah negara maju. Kita perlu belajar daripada pengalaman dan kesilapan mereka. Sungguhpun kadar kematian penduduk negara-negara maju rendah, tetapi kadar morbiditi atau penyakit mereka sangat tinggi, dan terdapat pelbagai penyakit serta keadaan yang mengganggu kehidupan seharian dan pekerjaan mereka.

13. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana diberi penghormatan untuk merasmikan Kongres ini. Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Kongres Obstetrik dan Ginekologi Kedua dibuka dengan rasminya.